

11/03/2004

Kejayaan Malik jadi pendorong

KEINGINAN mencuba sesuatu yang baru terutama yang membabitkan kegiatan lasak membawa kepada Mejar (B) Arshad Khan melakar sejarah dalam hidupnya dan membawa nama Malaysia ke persada dunia.

"Sejak dalam pasukan tentera lagi saya dah mula menjelajah dengan menggunakan bas ke China dan Eropah serta sudah banyak kali saya mengembara mengelilingi Afrika dengan kereta dan di Nigeria hampir keseluruhan pelusuk negerinya sudah saya lawati," katanya.

Di sebalik keaktifannya, terselindung kecederaan pada tangan kiri dan kakinya yang terkena tembakan sewaktu berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia, namun bagi Arshad, beliau tidak sesekali menjadikan itu semua sebagai halangan kerana kudrat tenaganya masih mampu disalurkan kepada negara.

Akibat daripada kecederaan itu tangan kiri itu, beliau tidak mampu untuk membuat kerja kerja berat, tetapi tangan kanannya masih mampu untuk meneruskan perjuangan seperti membawa kereta, membuat kerja pertukangan dan sebagainya.

Mungkin pada permulaan cadangan mengembara ini dianggap sesuatu yang gila dan mustahil untuk dibuktikan oleh warga emas ini namun kejayaan yang dibuktikan Datuk Abdul Malik Mydin menunjukkan tiada apa yang mustahil walaupun risikonya sememangnya ada dan tidak boleh dielakkan.

"Kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai. Tiada kejayaan yang boleh dicapai dengan senang kalau tidak mahu menghadapi risiko yang mendatang. Semua perkara di dunia ini ada masalahnya, mana ada yang tak ada masalah," katanya yang kini masih memasang keinginan untuk menyumbangkan sesuatu pada negara.

Dalam merealisasikan segala impian mereka memulakan langkah dengan mencari sumber kewangan untuk menaja perjalanan mereka.

Langkah pertama disusun dengan menghantar kertas kerja ke Jabatan Perdana Menteri dan tanpa diduga cadangan yang diberikan terus mendapat galakkan daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Saya tak sangka niat kami diterima baik oleh PM waktu itu. Beliau memberi galakan penuh pada kami walaupun umur kami sudah melebihi separuh abad dan kata-kata semangat itu menjadikan saya terus bertekad meneruskan perjuangan walaupun ada yang menghalang," katanya.

Akhirnya usaha mereka mendatangkan hasil apabila Kementerian Belia dan Sukan tampil memberi persetujuan diikuti dengan Kementerian Kewangan, Pengangkutan, Dalam dan Luar Negara, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammudin Hussien, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Khir Toyo dan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim.

Selain daripada Caltex yang menjadi penaja utama, turut sama memberi bantuan ialah Silverstone, Persatuan Veteran Pulau Pinang, Persatuan Automobile Malaysia (AAM), Pizza vs Satay, Malaysia International Shipping Corp dan PC Suria.